

13 DEC 1998

Mahathir-Asean/I

MAHATHIR HADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN ESOK

Oleh: E Sivabalan

HANOI, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini esok di dalam rangka lawatan empat hari ke Vietnam bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean keenam, Selasa ini.

Dr Mahathir dijangka diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Abdullah berada di sini semalam bagi menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri tetapi memendekkan lawatannya untuk menghadiri Perhimpunan Khas Umno di Kuala Lumpur, hari ini.

Dr Mahathir akan turut disertai oleh ketua-ketua negara Asean lain seperti Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Presiden Indonesia B.J.Habibie, Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh, Gen Than Shwee dari Myanmar, Presiden Filipina Joseph Estrada, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai pada mesyuarat dua hari itu.

Ketua-ketua negara itu dijadual menghadiri jamuan malam tidak rasmi yang disediakan oleh Phan Van Khai, esok.

Pembukaan rasmi Sidang Kemuncak Hanoi itu akan berlangsung di dewan Ba Dinh di tengah-tengah bandaraya ini, Selasa ini.

Selepas mesyuarat tertutup itu ketua-ketua negara akan mengunjungi Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Le Kha Phieu.

Pada hari Rabu, Perdana Menteri Kemboja Hun Sen akan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua kerajaan Asean lain.

Kemboja memiliki status pemerhati Asean sejak 1995. Negara itu kini memohon menjadi anggota kumpulan itu pada sidang kemuncak tersebut.

Ketua-ketua negara Asean itu juga dijadual menerimapakai Deklarasi Hanoi dan Pelan Bertindak.

Para pemimpin itu juga akan menghadiri jamuan tengahari bersama Naib Presiden China Hu Jintao, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi and Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung.

Ini dijangka diikuti mesyuarat "Campur Tiga Asean" antara Asean dan China, Japan dan Korea Selatan.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan perbincangan dengan beberapa pemimpin mengenai isu-isu sampingan yang dibincangkan pada sidang kemuncak itu.

Esok, Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan dengan Hun Sen and Khai. Pada hari Khamis, Dr Mahathir akan berbincang dengan Goh dan Hu Jintao.

Dr Mahathir dijangka melancarkan projek usahasama Petronas di sini, Khamis ini sebelum berlepas pulang.

-- BERNAMA

ES LAT